



---

## KENYATAAN MEDIA

### **RM9.93 JUTA UNTUK BANTU PELADANG MADA TERJEJAS BANJIR**

**JITRA, 21 APRIL 2022** – Sejumlah RM8.63 juta peruntukan kepada 5,931 orang peladang di Kawasan MADA yang terjejas banjir dan padi rebah pada bulan September dan November lepas telah menerima pampasan.

Kelulusan ini merupakan tambahan kepada kelulusan awal sebanyak RM1.3 Juta yang diluluskan pada tahun ini bagi Bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) Mei dan September 2021 bagi Kawasan MADA Negeri Perlis melibatkan seramai 956 orang peladang MADA untuk kawasan seluas 840.6 hektar. Penyampaian bantuan disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Perlis pada April lalu menjadikan keseluruhan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM9.93 juta melibatkan 6887 orang peladang di seluruh kawasan Muda.

Majlis Penyampaian Bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) Bulan September & November 2021 Bagi Kawasan MADA pada hari ini disempurnakan oleh Menteri Pertanian Dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, melibatkan peruntukan sebanyak RM876.00 per hektar manakala bagi pokok padi yang berusia 71 hari keatas, bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM1,800 per hektar.

Untuk rekod, Tabung Bencana Tanaman Padi diwujudkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebagai bantuan khas kepada penanam-penanam padi yang menghadapi bencana luar jangka seperti serangan wabak, bencana alam dan lain-lain faktor yang tidak dapat dielakkan.

Kejadian banjir disebabkan oleh turunan hujan lebat yang berlaku pada bulan September lepas selain kejadian ribut pada November berikutnya di keseluruhan Kawasan Muda telah menyebabkan aliran air menjadi tinggi dan banjir mengakibatkan tanaman padi rebah.

Dalam majlis penyampaian bantuan ini peladang turut disaran untuk mematuhi jadual penanaman padi yang dikeluarkan oleh MADA bagi mengurangkan risiko banjir. Mereka turut dinasihatkan untuk menyelesaikan aktiviti menabur sebelum dan selepas Hari Raya Aidilfitri bagi mengelakkan kelewatan kemudahan pengurusan bekalan pengairan untuk pertanian. Peladang juga dipohon untuk mengoptimum penggunaan air daripada turunan hujan di kawasan bendang untuk aktiviti penanaman padi selain penggunaan Benih Padi Sah (BPS).

Turut hadir dalam majlis ini Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Nik Muhammad Zawawi Salleh, Pengurus MADA, YB Ahmad Tarmizi bin Sulaiman, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kedah, YB Dato' Hajah Halimatun Shaadiah Saad, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Hitam, YB Azhar bin Ibrahim dan Pengurus Besar MADA, Tuan Haji Kamarudin Dahuli.